

Thaksin tak sekongkol

H.M 27/06/08 M/S 49

Bekas PM Thai nafi terbabit dengan tindakan tiga peguamnya untuk merasuah hakim

BANGKOK: Bekas Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra berkata, beliau tidak terbabit dengan tindakan cuba merasuah seorang hakim dengan kotak gula-gula berisi wang, baru-baru ini.

Tiga peguam yang mewakili Thaksin atas tuduhan rasuah dihukum penjara enam bulan setiap seorang kelmarin kerana menyembunyi dan menghantar kotak gula-gula berisi dua juta baht (RM194,000) kepada seorang hakim Mahkamah Agung.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan menerusi jurucakap peribadinya, Phonthep Thepanjana, Thaksin berkata, beliau menerima keputusan mahkamah itu.

"Thaksin menghormati ke-

putusan mahkamah dan melahirkan rasa kesalnya terhadap kejadian itu.

"Dakwaan itu mungkin menjejaskan imej Thaksin. Tetapi saya ingin bertanya, apakah tindakan seperti itu boleh memberi faedah kepada Thaksin?" kata Phonthep.

Peguam itu ditangkap apabila pegawai keselamatan memeriksa kotak gula-gula itu dan memaklumpkannya kepada hakim.

Panel tiga hakim Mahkamah Agung mendapati Pichit Cheunban, ketua peguam Thaksin dan dua pembantunya bersalah terhadap tuduhan cuba mempengaruhi mahkamah.

Dakwaan jenayah rasuah berasingan yang boleh membawa hukuman penjara se-

hingga lima tahun terhadap ketiga-tiga mereka difailkan semalam.

Keputusan penjara ke atas peguam kanannya itu berlaku beberapa minggu sebelum Mahkamah Agung dijangka mendengar kes rasuah Thaksin berhubung tindakan beliau dan isterinya menggunakan pengaruh politik untuk membeli hartanah di Bangkok daripada sebuah agensi kerajaan.

Thaksin dan isterinya yang boleh dihukum penjara sehingga 13 tahun jika sabit kesalahan, mengaku tidak bersalah terhadap tuduhan berkenaan.

Phonthep berkata, kes kotak gula-gula itu tidak akan menjejaskan kes rasuah Thaksin. - Reuters